



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 73
No. 16

12hb Ogos 2020

TAMBAHAN
No. 1

No. 1799.

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

(Seksyen 4)

NOTIS BAHAWA TANAH BERKEMUNGKINAN AKAN DIAMBIL

Adalah dengan ini diberitahu bahawa tanah-tanah di tempat yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini, termasuk mana-mana tanah, jika ada, yang dinyatakan mengikut nombor lotnya atau mengikut nombor lot tanah-tanah yang bersempadan dengannya, mungkin diperlukan bagi maksud-maksud yang berikut:

Permohonan Pengambilan Tanah di bawah seksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [*Akta 486*] bagi tujuan Kolam Air Bukit Kerayong di atas sebahagian Lot 15955 Geran 330657 Mukim Kapar, Daerah Klang, Selangor.

2. Selanjutnya adalah diberitahu bahawa mana-mana orang yang diberikuasa oleh Pengarah Negeri bagi maksud itu boleh memasuki ke mana-mana tanah di tempat itu bagi tujuan memeriksa tanah tersebut dan menjalankan kerja-kerja ukur. Pampasan akan dibayar jika berlaku apa-apa kerosakan pada masa menjalankan kerja sedemikian. Apa-apa pertikaian mengenai amaun pampasan itu hendaklah dirujuk kepada Pentadbir Tanah Daerah Klang di Pejabat Tanah dan Daerah Klang, Jalan Kota, 41902 Klang, Selangor.

JADUAL

Daerah—Klang. Mukim—Kapar. Perihal Kawasan—Lot 15955 (GRN 330657).
No. Syit—75-C.

Bertarikh 11 Ogos 2020
[PDTK/T/PT600-2/25/2020-1]

YUSRI BIN ZAKARIAH
*Pengarah Tanah dan Galian
Selangor*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA